

Petikan-petikan dari Titah Diraja dan ucapan Perdana Menteri

SERI Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga berbangga dengan usaha Kerajaan meningkatkan nilai-nilai kerohanian serta menyemalkan sikap tanggungjawab yang berasaskan sifat bersih, cekap dan amanah di kalangan semua pihak.

"Beta yakin amalan bersih, cekap dan amanah di kalangan kita semua akan menjadikan kita bangsa dan negara maju, makmur dan bermaruah tinggi," titah Seri Paduka.

* * *

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, yakin Malaysia akan terus berada dalam suasana aman sejahtera dan makmur. Taraf kehidupan rakyat akan meningkat dan Perpaduan serta ketahanan di kalangan mereka dan menjadi bertambah kukuh di bawah pemerintahan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Perdana Menteri yang juga memberi jaminan bahawa beliau serta Menteri-menteri, Timbalan Menteri serta pegawai dan kakitangan Kerajaan akan terus berusaha dengan lebih giat melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan bersih, cekap dan amanah.

(Petikan-petikan dari muka hadapan Berita Harian Jun 3, 1982 di bawah tajuk, "TEMPA ERA MEMBANGUN' Seri Paduka seru rakyat giat berusaha" dan "Dr. M: Langkah utama pemulihan ekonomi")